



Menjadikannya universiti pengurusan perniagaan terbaik negara

## Mustafa mahu UUM dijulang

### MUKADIMAH

PROFESOR Dr. Mohamed Mustafa Ishak bukanlah satu nama asing dalam bidang akademik negara ini. Mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang ini menjadikan beliau sangat layak dan tepat untuk dilantik menjadi Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baru bagi menggantikan Tan Sri Dr. Nordin Kardi. Menggalas tanggungjawab sebagai orang terpenting dalam sebuah universiti, beliau berkongsi pandangan dan

impihan beliau untuk menjadikan UUM sebagai sebuah universiti pengurusan terkemuka di negara ini.

Biarpun sibuk memenuhi pelbagai urusan daripada pelbagai pihak sebaik sahaja dilantik sebagai Naib Canselor, namun sempat juga meluangkan masa untuk ditemui buat oleh *Utusan Malaysia*. Ikti temui buat wartawan **SAFINA RAMLI** bersama jurugambar **KAMAL BASIR** di pejabat beliau di UUM, baru-baru ini.

**UTUSAN:** Boleh ceritakan sejarah kerjaya Prof. bersama UUM sehingga dilantik menjadi Naib Canselor (NC) baru UUM pada 15 Jun lalu?

DR. MOHAMED MUSTAFA: Saya mewarai UUM pada 1986 iaitu setahun selepas UUM ditubuhkan. Saya memulakan kerjaya sebagai tutor dan kerjaya saya dalam bidang akademik mula meningkat sedikit demi sedikit. Namun saya bermula dari peringkat bawah sehingga pada akhirnya saya berpercaya untuk dilantik sebagai Naib Canselor setelah Tan Sri Dr. Nordin Kardi bersara. Sesasi kasarnya, saya melihat sendiri perkembangan dan kemajuan UUM dengan mata saya sendiri dan ini membantu saya dalam menjalankan tugas sebagai NC UUM.

Sebagai seorang yang mempunyai banyak pengalaman dengan UUM, apa perasaan Prof. setelah dilantik untuk menggalas tanggungjawab sebagai NC UUM? Biarpun berpengalaman, bagi saya tugas ini sangat mencabar kerana UUM telah diberi satu mandat khusus iaitu menjadi sebuah universiti pengurusan. Jadi setelah 25 tahun, UUM mestilah membuktikan dirinya mampu menjadi sebuah universiti pengurusan terunggul dan terkemuka di Malaysia. Kita dah berjaya mencapai banyak kejayaan jadi kita hanya perlu satu lonjakan terakhir untuk muncul sebagai universiti pengurusan terkemuka.

Apa yang membezakan UUM daripada universiti lain di negara ini?

Kita tak jadi universiti komprehensif namun kita diberi tanggungjawab khusus untuk menjadi universiti pengurusan perniagaan dan melahirkan graduan dan memajukan bidang pengajaran pengurusan.

Apa pendekatan yang bakal diambil untuk melonjakkan UUM sebagai universiti pengurusan terkemuka di negara ini?

Paling penting untuk UUM sekarang ini ialah untuk memperbaikkan struktur akademik, baik dari segi pentadbiran maupun struktur kandungan kurikulum. Kedua-dua, untuk membolehkan program akademik UUM mendapat akreditasi antarabangsa. Akreditasi kebangsaan kita dah ada dan sekarang kita sedang usaha untuk mendapatkan akreditasi kebangsaan. Kemudian apabila struktur akademik diperbaiki, UUM mesti segera mencapai 60 peratus tenaga pengajar yang mempunyai ijazah doktor falsafah (PhD).

Sekarang kita baru dalam 26-27 peratus tenaga pengajar yang mempunyai PhD dan kita sedang bergerak pantas untuk menambah bilangan ini.

Berapa tempoh masa yang Prof. yakin

jumlah tenaga pengajar di UUM boleh mencapai 60 peratus yang mempunyai PhD?

Saya yakini dalam tempoh dua tahun kita akan penuhi 60 peratus itu. Namun saya menyayarkan kita akan dapat penuhi saran 60 peratus itu dalam masa setahun. Selain itu kita akan menambah bilangan profesor, profesor madya dan pensyarah antarabangsa yang sekangkang ini kita akan dapat sasaran sekurang-kurangnya 10 peratus dalam tempoh tak sampai setahun.

Saya percaya apabila kita berjaya menguatkan sumber manusia dan berjaya menguatkan struktur akademik di UUM, kita akan berjaya bangunkan satu budaya akademik yang mantap di UUM ini lebih-lebih lagi apabila kita berjaya mendapat akreditasi antarabangsa.

Bagaimana pula Prof. lihat program-program akademik yang ada di UUM dan adakah ia juga perlu dilonjakkan untuk menjadikannya sebuah universiti pengurusan terbaik di negara ini?

Kita juga sedang usaha kuat untuk melonjakkan program *flagship* iaitu program-program yang bersifat premier, program terkemuka di peringkat sarjana muda dan sarjana. Semuanya dah ada. Kita hanya untuk lonjakkan sahaja. Persiapan telah dibuat dan kita hanya perlu menguatkan skru di sana-sini supaya kita hanya perlu melonjakkan UUM ke tahap yang lebih tinggi.

Antara cabaran baru yang perlu Prof. hadapi sebagai NC ialah isu keganasan (terrorism) di mana terdapat dakwaan bahawa kumpulan Jemaah Islamiyah (JI) telah merekrut pelajar universiti. Adakah ini satu masalah untuk Prof. hadapi ketika menggalas tugas baru ini?


Saya tidak merasah ini sebagai satu masalah utama kerana ia hanya melibatkan kelompok kecil iaitu pelajar yang belajar di peringkat antarabangsa. Inti tidak menjadi masalah utama di UUM. Setakat ini tidak ada pelajar UUM yang terlibat.

Apa langkah yang akan diambil oleh pihak UUM untuk mencegah anaris buruk ini daripada menular memusaki UUM?

Pendedahan oleh pihak polis mengenai perkara ini menimbulkan kesedaran kepada pihak universiti untuk membuat proses tapisan bagi pelajar antarabangsa dan kita akan pantau dengan lebih dekat kegiatan pelajar supaya tidak ada yang terjelek dalam gerakan keganasan ini.

Saya seorang yang lama berkhidmat di UUM, apakah cara yang akan diambil oleh Prof. untuk menyemarakkan lagi suasana di tempat kerja yang lebih selesa pada hari ini?

Saya amat menekankan perasaan hormat-menghormati antara satu sama lain. Saya mengamalkan konsep *leadership*



PROF. DR. MOHAMED MUSTAFA ISHKH MAHU MENJADIKAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEBAGAI UNIVERSITI PENGURUSAN TERBAIK.

gin Prof. lihat?

Maknanya, dalam dunia akademik hari ini, kita menjadi ketua, esok-esok kita boleh turun balik menjadi pensyarah. Ini adalah normal. Jadi kita mestilah sokong siapa juga yang menjadi pemimpin dan satu hari juga orang lain akan sokong kita bila kita naik menjadi pemimpin.

Inilah konsep komunikasi terbuka dan bekerjasama sebagai rakan kongsi. Cuma peranan kita berbeza, ini akan membuatstaf

dan staf dibangga.

Saya juga mengamalkan konsep dengan semua pandangan dan ambil yang baik.

Tapi saya ingin menekankan di sini bahwa akan buat keputusan yang tegar dan akan melakukan perubahan jika perlu. Tak mungkin kita diah untuk sahaja kita tidak boleh buat keputusan yang tegar.

Adakah menjadi NC ini adalah cita-cita dan impian sebelum Prof?

Saya tidak pernah mimpi untuk jadi NC. Saya hanya berzamam untuk jadi seorang sarjana dan telah mencapainya. Tetapi untuk memimpin sebuah organisasi ilmu tidak pernah ada dalam impian saya. Malah cita-cita saya ialah untuk menjadi seorang pegawai.

Nampaknya saya tidak ditakdirkan untuk menjadi pegawai namun menjadi seorang pensyarah. Saya puas hati dengan kerja ini kerana ia juga buat saya berterang. Dulu masa di sekolah saya banyak terlibat dalam bahas. Sebab itu bila diberi amanah untuk memimpin UUM saya akan cuba lakukan yang terbaik. Dengan serba sedikit pengalaman dan sokongan rakan-rakan saya cuba untuk mengangkat martabat UUM supaya dapat menjadi universiti pengurusan yang terkemuka.

Dilantik sebagai NC tentunya lebih banyak masa dihabiskan di tempat kerja, jadi bagaimana Prof. meluangkan masa bersama keluarga?

Saya tetap bagi masa untuk keluarga. Malam saya cuba pastikan saya ada di rumah. Kalau terpaksa ke luar daerah saya akan bawa keluarga bersama. Sambil bawa kerja sambil bersama keluarga. Saya seorang yang menitikberatkan hubungan dan nilai keluargaan.

Bagaimana masa depan UUM yang in-

gin Prof. lihat?

Kita sedang menyiapkan pelan untuk UUM bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Lagi 10 tahun kita akan menuju tahun 2020 iaitu sebuah negara maju. Pada waktu itu di manakah UUM? Adakah kita nak UUM kekal macam ini sahaja ataupun kita nak

ubah UUM menjadi sebuah universiti di dalam sebuah negara maju? Disebabkan itu, saya berzamam untuk menyediakan beberapa pelan untuk UUM. Tetapi pelan ini

mempunyai beberapa fasa dan tentunya dalam tempoh tiga tahun ini saya cuba

untuk capai apa yang dirancang untuk

UUM iaitu memperoleh akreditasi antarabangsa, 60 peratus tenaga pengajar yang

mempunyai PhD dan 10 peratus tenaga

pengajar antarabangsa.

Kita juga kena lihat balik hubungan antara UUM dengan pihak korporat. Kita juga akan lonjakkan kualiti graduan UUM

dan memberi penekanan terhadap alumni yang berjaya.

Kita juga akan memastikan program dalam bidang pengurusan dan perniagaan.

Kita harap satu hari UUM akan

muncul sebagai universiti pengurusan

dan kita akan usaha kuat untuk menonjolkan identiti kita.

Tan Sri Dr. Nordin Kardi begitu si-

nonim dengan UUM. Apakah Prof. tidak

merasa dibayangi oleh beliau dalam merancang kepimpinan UUM?

Setiap NC ada cara tersendiri. Saya tak

boleh ubah stail saya. Saya jenis yang selamanya dan bagi mereka yang lama kenal saya, tahu saya jenis yang berterang-

peramah dan seorang pendengar yang baik.

Saya suka mendengar pandangan dan idea orang lain. Tapi saya punyai kemampuan untuk buat keputusan sendiri. Tan Sri Nor-

din telah memberi banyak sumbangan kepada UUM dan saya akan teruskan.

Apa yang baik diteruskan dan apa yang

perlu dirotok tambah dan dibuktikan kena ikut.

Kalau tak kita akan kekal statik. Apa yang belum kuat kita mantapkan, apa yang

perlu tambah kita tambah dan apa yang

perlu dibuat perubahan kita akan buat

sesuai dengan keperluan UUM. Kita perlu

beri impak kepada bidang pengurusan dan

inilah sebuah UUM ditubuhkan. UUM perlu

menghasilkan *the best manager for the coun-*

*try and juga for the world* (pengurus terbaik

di negara dan dunia).